Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2022

9 Risiko Pasaran
12 Risiko Kredit
23 Rencana: Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021
29 Risiko Operasi

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama Tahun 2022

RISIKO PASARAN


Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur meskipun terdapat volatiliti yang ketara dalam pasaran global

Pasaran kewangan Malaysia terus dipengaruhi dengan ketara oleh perkembangan global. Kebimbangan yang semakin meningkat mengenai pertumbuhan global, peningkatan inflasi dan harga komoditi yang tidak menentu menyebabkan keadaan pasaran kewangan global menjadi lebih ketat. Volatiliti pasaran kewangan semakin meningkat disebabkan oleh dasar monetari ekonomi utama yang kembali ke paras wajar dengan lebih cepat daripada jangkaan bagi mengawal inflasi, di samping kemungkinan perang yang berlarutan lebih lama di Ukraine serta risiko gangguan yang berterusan terhadap kegiatan ekonomi akibat sekatan COVID-19 di beberapa negara. Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran yang kekal tinggi sejak suku kedua tahun 2022 mencerminkan sentimen penghindaran risiko global disebabkan kenaikan kadar hasil bon global. Walau bagaimanapun, tahap tekanan ini masih lebih rendah berbanding dengan tahap tekanan yang dicatatkan pada permulaan pandemik COVID-19 antara bulan Mac hingga April 2020 (Rajah 1.1).

Pasaran ekuiti domestik menurun seiring dengan negara serantau, mencatatkan kerugian selepas merekodkan keuntungan pada awal tahun 2022 (Rajah 1.2). FBM KLCI susut 142.6 mata sejak awal tahun sehingga kini[1] dengan jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia menurun sebanyak 9.0%. Nilai dan jumlah dagangan pasaran ekuiti domestik telah menurun ke paras sebelum pandemik. Hal ini didorong oleh sentimen pelabur yang lemah dalam pasaran ekuiti berikutan kebimbangan mengenai kemelesetan di ekonomi maju dan tekanan inflasi yang berterusan.

[1] Data setakat 23 September 2022.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)




Nota: FMSI berada pada aras tertinggi sebanyak 28.2% pada permulaan pandemik COVID-19 pada bulan Mac 2020.

Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pelabur institusi domestik kekal sebagai penjual bersih ekuiti domestik berbanding dengan aliran sebelum pandemik (sejak awal tahun sehingga kini: -RM9.7 bilion; purata 2015-2019: +RM8.2 bilion). Hal ini sebahagiannya mencerminkan aktiviti pengambilan untung oleh pelabur institusi domestik berikutan pembelian oleh bukan pemastautin. Walaupun wujud sentimen penghindaran risiko global, pelabur bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk bersih ke dalam pasaran ekuiti domestik untuk kali pertama dalam tempoh empat tahun (sejak awal tahun sehingga kini: +RM7.4 bilion). Sebahagian besar aliran ini dicatatkan oleh sektor perkhidmatan kewangan dan perladangan berikutan prospek sektor perbankan yang bertambah baik susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) mulai bulan Mei serta harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi.

Aktiviti perdagangan pelabur runcit berkurang dengan mendadak dan kini mencakupi kira-kira 24% (2021: 35%; purata 2015-2019: 18.5%) daripada jumlah nilai yang didagangkan dalam pasaran ekuiti. Hal ini mungkin disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, termasuk

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg


kadar deposit yang semakin meningkat, volatiliti pasaran yang ketara dan perbelanjaan runcit yang bermula kembali susulan pembukaan semula ekonomi. Pada akhir bulan Jun 2022, lebih sedikit daripada 18% aset kewangan isi rumah berada dalam bentuk ekuiti[2] (2019: 20%). Sebahagian besar pelaburan ini tidak dibiayai oleh peminjaman, lantas isi rumah terlindung daripada tekanan berkaitan hutang yang disebabkan oleh perubahan harga ekuiti yang mendadak.

Pelabur institusi domestik terus aktif dalam pasaran bon kerajaan

Aliran portfolio bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan domestik[3] menjadi negatif mulai suku kedua, sebahagiannya mencerminkan peralihan kepada aset selamat apabila meningkatnya kebimbangan mengenai pertumbuhan global yang lebih perlahan. Hal ini ditambah lagi oleh spread UST-MGS yang semakin mengecil susulan kenaikan kadar yang agresif oleh Federal Reserve Amerika Syarikat (AS). Purata perbezaan kadar hasil antara Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dengan US Treasuries (UST) mengecil kepada 137 mata asas sejak awal tahun sehingga kini (purata 2015-2019: 166 mata asas). Aliran keluar bersih bukan pemastautin berjumlah RM5.3 bilion sejak awal tahun sehingga kini (Rajah 1.3). Kesannya, bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan menurun kepada 23% sejak awal tahun sehingga kini (Disember 2021: 25.4%; purata 2015-2019: 27%).

Pelabur institusi domestik seperti bank-bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) terus aktif dalam pasaran bon kerajaan. Bank-bank telah menjadi pembeli bersih bon kerajaan yang terbesar sejak bermulanya pandemik (sejak awal tahun sehingga kini: RM24.2 bilion; Januari-September 2021: RM24.9 bilion). Menjelang akhir tahun 2022, bank-bank akan kembali mematuhi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) tanpa mengambil kira pemegangan MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII). Walaupun hal ini boleh menyebabkan sedikit perubahan pada permintaan bank-bank terhadap bon kerajaan, keadaan ini dijangka tidak menyebabkan pelarasan yang mengganggu pasaran pembiayaan berikutan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan. Bon kerajaan Malaysia terus mencatatkan nisbah bida kepada perlindungan yang kukuh, iaitu berpurata sebanyak 2.3 kali (purata 2015-2019: 2.3 kali). Purata jumlah dagangan harian dalam pasaran bon sekunder pula adalah sebanyak RM2.8 bilion (purata 2015-2019: RM3.1 bilion). Hal ini mencerminkan keadaan pasaran yang terus teratur. Keyakinan pelabur terhadap pasaran bon kerajaan Malaysia dijangka berterusan didorong oleh prestasi ekonomi yang kukuh dan prospek penarafan berdaulat yang stabil.[4]

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pasaran bon korporat juga terus berfungsi dengan lancar dan mengekalkan keadaan pendanaan yang secara relatif stabil untuk sektor perniagaan. Spread kredit antara kertas AAA 10 tahun dengan MGS 10 tahun adalah lebih

[2] Termasuk dana unit amanah berharga tidak tetap yang dilaburkan terutamanya dalam ekuiti.
[3] Merujuk bon dan sukuk kerajaan Malaysia, kecuali dinyatakan sebaliknya.
[4] Fitch (BBB+), Moody's (A3) dan S&P (A-) menunjukkan prospek yang stabil bagi Malaysia. S&P telah menaikkan semula prospek penarafan Malaysia daripada 'negatif' kepada 'stabil' pada bulan Jun 2022 dan pada masa yang sama mengesahkan semula penarafan pada 'A-', susulan prospek negatif selama dua tahun sejak bulan Jun 2020 sewaktu kemuncak pandemik COVID-19.

ketat berbanding dengan purata sebelum pandemik, mencerminkan minat pelabur yang beterusan terhadap bon korporat (purata sejak awal tahun sehingga kini: 46.5 mata asas; purata 2015-2019: 55.4 mata asas). Terbitan bon korporat kasar kekal kukuh meskipun terbitan berada di bawah paras yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun 2021 (Januari-Julai 2022: RM60.1 bilion; Januari-Julai 2021: RM63.8 bilion) kerana sesetengah penerbit menangguhkan aktiviti pengumpulan dana berikutan volatiliti yang tinggi dalam kadar hasil bon domestik. Walau bagaimanapun, terbitan dijangka pulih secara beransur-ansur pada masa hadapan berikutan kegiatan ekonomi yang terus kembali normal.

Dolar Amerika Syarikat (AS) telah mengukuh dengan ketara sepanjang tahun ini dan kekal pada paras tertinggi dalam tempoh dua dekad sejak 26 April 2022. Gabungan kenaikan kadar dasar yang agresif di AS, peralihan kepada aset dolar AS yang dianggap selamat susulan konflik ketenteraan di Ukraine serta prospek pertumbuhan global yang lebih sederhana telah memberikan kesan pada kebanyakan mata wang pasaran utama dan pasaran sedang pesat membangun, termasuk ringgit. Sejak awal tahun sehingga kini, nilai ringgit menurun sebanyak 8.6% berbanding dengan dolar AS. Penurunan nilai ini sejajar dengan mata wang utama dan serantau lain,[5] yang menurun nilai antara -4.8% hingga -19.1% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan rakan-rakan perdagangan utama yang lain, ringgit kekal stabil secara keseluruhan seperti yang dicerminkan oleh penambahan nilai Kadar Pertukaran Efektif Nominal[6] yang marginal, iaitu sebanyak 0.2%. Walaupun ringgit menurun nilai berbanding dengan dolar AS, pelarasan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri kekal teratur, dengan purata volatiliti tersirat USD/MYR 1 bulan berada pada 4.2%, iaitu lebih rendah daripada purata yang pernah dicatatkan baru-baru ini (2021: 4.3%; purata 2015-2019: 6.5%). Jumlah perdagangan pasaran pertukaran asing domestik juga terus kukuh, dengan purata jumlah dagangan harian sebanyak USD13.3 bilion (2021: USD11.2 bilion). Keadaan ini dijangka memastikan pasaran pertukaran asing domestik terus memberikan sokongan kepada perniagaan dan peserta pasaran bagi menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Pemberhentian Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate, LIBOR) bukan USD secara global dan tetapan LIBOR USD 1 minggu dan 2 bulan pada 31 Disember 2021 berlaku tanpa gangguan pasaran. Sejak tarikh itu, dedahan legasi LIBOR bagi tetapan ini telah beralih kepada kadar alternatif,[7] manakala 72% daripada kontrak legasi telah berjaya merangkumkan peruntukan sandaran pada bulan Jun 2022. Dedahan industri perbankan Malaysia terhadap LIBOR terus menurun (Jun 2022: RM744 bilion; Disember 2021: RM876 bilion) apabila industri telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam peralihan pada kadar bebas risiko (*risk-free rates*, RFR) alternatif. Bank-bank Malaysia mula mendagangkan derivatif Kadar Pembiayaan Semalaman Bercagar sejak akhir tahun 2021 dan bersedia menyokong permintaan yang semakin bertambah bagi pinjaman yang merujuk RFR. Peralihan baki dedahan LIBOR USD dijangka berjalan lancar menjelang bulan Jun 2023, dengan bank-bank giat melaksanakan libat urus dengan pelanggan bagi menguruskan risiko peralihan yang mungkin berlaku.

[5] Yen Jepun, dolar Singapura, baht Thailand, peso Filipina, rupiah Indonesia dan dong Vietnam.

[6] Merujuk purata berwajaran mata wang negara asal dibandingkan dengan mata wang rakan-rakan perdagangan utama.


[7] Sebagai contoh, kadar bebas risiko dan kos dana.

RISIKO KREDIT

Prestasi perniagaan terus pulih, tetapi keadaan kekal mencabar bagi beberapa sektor berikutan peningkatan kos input dan kekurangan tenaga kerja

Persekitaran operasi perniagaan semakin pulih pada separuh pertama tahun 2022 apabila Malaysia beralih ke fasa endemik. Perniagaan dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh. Kebanyakan syarikat, khususnya sektor perdagangan borong dan runcit mencatatkan prestasi yang kukuh pada suku kedua tahun 2022, disokong oleh peningkatan mendadak perbelanjaan berkaitan perayaan dan langkah-langkah bantuan COVID-19. Pembukaan semula sempadan antarabangsa sejak 1 April 2022 juga menyokong pemulihan sektor berkaitan pelancongan. Kadar penghunian hotel juga pulih daripada paras rendahnya sebanyak 11% pada suku kedua tahun 2020 kepada 46.6% pada suku kedua tahun 2022 (S4 2021: 49.9%; purata 2019: 56.6%). Prestasi kewangan sektor perniagaan kekal melebihi purata sebelum pandemik, dengan median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)[8] dan margin operasi masing-masing pada 7.1 kali dan 7.3% (S4 2021: 7.1 kali dan 7.4%; purata 2015-2019: 6.2 kali dan 6.6%) (Rajah 1.4). Syarikat terus menyimpan penampan mudah tunai bagi menangani ketidakpastian perniagaan, dengan agregat nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD)[9] kekal tinggi.

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama




a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Walau bagaimanapun, tahap agregat yang bertambah baik menyembunyikan pemulihan yang tidak sekata dalam sektor tertentu. Bahagian keseluruhan syarikat berisiko[10] stabil (S2 2022: 24.1%; S4 2021: 24.7%). Namun, bahagian tersebut kekal melebihi purata sebelum pandemik bagi sektor hotel dan restoran, pembinaan serta harta tanah (Rajah 1.5). Hal ini mencerminkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh syarikat dalam sektor-sektor ini. Libat urus dengan syarikat-syarikat menunjukkan bahawa isu utama berkaitan kos input yang meningkat dan kekurangan tenaga kerja menjadi semakin ketara sejak awal tahun 2022. Kekurangan tenaga kerja telah sedikit menjejaskan pendapatan dan kedudukan kewangan syarikat, terutamanya dalam kalangan syarikat kecil sektor pembinaan, kelapa sawit dan aktiviti perkilangan terpilih (seperti produk elektrik dan elektronik, plastik, bahan kimia dan produk kimia). Pelaksanaan gaji minimum yang lebih tinggi pada bulan Mei 2022 juga telah menambahkan tekanan terhadap kos operasi syarikat. Bagi sektor harta tanah komersial, keadaan lebihan bekalan sedia ada dan permintaan yang lemah terus memberikan tekanan pada kadar kekosongan serta penyewaan ruang pejabat dan ruang niaga. Meskipun menghadapi


[8] Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

[9] Paras ambang kehematan bagi CASTD ialah satu kali.

[10] Syarikat berisiko ditakrifkan sebagai syarikat bukan kewangan yang tersenarai dengan ICR di bawah paras ambang kehematan sebanyak dua kali.

cabaran, prestasi kewangan dan keupayaan membayar balik hutang syarikat dalam sektor-sektor ini secara amnya berdaya tahan (Rajah 1.6). Hal ini disokong oleh penampan kewangan yang terkumpul sejak beberapa tahun dan strategi pengurusan inventori yang proaktif, terutamanya dalam kalangan syarikat yang lebih besar. Walau bagaimanapun, bank-bank terus mengekalkan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap prestasi pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan dedahan syarikat besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih lemah. Tindakan ini termasuk memperhebat pemantauan dan libat urus dengan peminjam serta pengelasan pinjaman dan amalan peruntukan yang proaktif bagi menguruskan potensi risiko kredit yang timbul daripada dedahan tersebut.

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Penunjuk Margin Operasi dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Nota: 1. Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah adalah dua kali.
2. [...%] merujuk pinjaman kepada sektor sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia


Kebanyakan PKS yang telah keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman telah kembali menyambung bayaran balik pinjaman mereka

Memandangkan penampan tunai yang lebih kecil dan margin keuntungan yang lebih rendah berbanding dengan syarikat yang lebih besar, PKS terus mencakupi bahagian terbesar (94%) syarikat yang mendapat manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman.[11]

[11] Merujuk semua jenis bantuan bayaran balik pinjaman bagi PKS termasuk pakej khusus daripada bank-bank serta penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R).

Walau bagaimanapun, pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman telah berkurang sehingga separuh selepas program PEMULIH tamat. Setakat bulan Jun 2022, 13.1% daripada jumlah pinjaman PKS (atau 2.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)) kekal di bawah bantuan bayaran balik pinjaman (Rajah 1.7). Kebanyakan PKS yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah mampu menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. Hanya sebilangan kecil akaun (sebanyak 7% atau kurang 1% daripada jumlah nilai pinjaman PKS terkumpul) yang keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman sejak bulan Disember 2021 lewat membuat bayaran balik pinjaman. Daripada jumlah ini, kurang 2% menjadi pinjaman terjejas (0.3% daripada jumlah nilai pinjaman PKS terkumpul) manakala akaun selebihnya secara am layak mendapat bantuan bayaran balik pinjaman selanjutnya menerusi pelbagai program pengurusan hutang yang tersedia termasuk yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan sokongan bank-bank. Memandangkan program-program ini lebih bersasar, risiko yang dikaitkan dengan bank-bank yang menyokong peminjam tidak berdaya maju dari segi kewangan juga rendah kerana bank-bank dapat menilai keadaan kewangan peminjam. Bank Negara Malaysia juga mendapati tiada amalan *evergreening of loans*[12] oleh bank-bank yang boleh meningkatkan risiko pada masa hadapan.

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Bahagian Pinjaman yang Menjalani Penjadualan dan Penstrukturan Semula Mengikut Segmen



Sumber: Bank Negara Malaysia


[12] Ditakrifkan sebagai pelanjutan tempoh peminjaman kepada syarikat yang berpotensi tidak berdaya maju tanpa mengelaskan pinjaman sebagai tidak berbayar.

Peminjam berdaya maju terus mendapat akses kepada pembiayaan

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terus pulih sejajar dengan prospek perniagaan yang bertambah baik. Pinjaman perniagaan terkumpul[13] pada separuh pertama tahun 2022 berkembang sebanyak 5.5% (Disember 2021: 4.8%) pada asas tahunan, didorong sebahagian besarnya oleh permintaan yang berterusan untuk modal kerja. Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman kekal ketara lebih tinggi melebihi purata sebelum pandemik (ST1 2022: 23.6%; 2021: 27.1%; purata 2015-2019: 2.5%). Hal ini mencerminkan keperluan modal kerja yang lebih tinggi berikutan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh dan tekanan kos yang meningkat. Pinjaman terkumpul bagi PKS juga meningkat dengan lebih pantas sebanyak 7.5% (Disember 2021: 4.9%), dilengkapi oleh kemudahan yang terus tersedia di bawah Dana BNM untuk PKS.[14] Secara keseluruhan, kadar kelulusan pembiayaan PKS sedang pulih ke paras sebelum pandemik (Jun 2022: 80.2%; Disember 2021: 78.7%; purata 2015-2019: 82.8%) apabila bank-bank dapat menilai kelayakan kredit peminjam PKS dengan lebih baik berikutan peralihan kepada program bantuan bayaran balik pinjaman yang lebih bersasar. Sementara itu, syarikat-syarikat yang lebih besar dengan kewangan yang kukuh terus mendapatkan pendanaan menerusi pasaran bon korporat. Walau bagaimanapun, terbitan bon korporat[15] menurun pada separuh pertama tahun 2022 (-7.6%; Jun 2021: +0.4%), sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar hasil bon domestik yang tidak menentu. Hutang luar negeri syarikat korporat tidak mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding dengan bulan Disember 2021 kerana syarikat korporat terus berwaspada dengan perkembangan persekitaran luaran. Secara agregat, nisbah hutang korporat bukan kewangan kepada KDNK menurun hingga 104.4% (Disember 2021: 109.7%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh.

Pinjaman terjejas perniagaan meningkat sedikit tetapi kekal rendah pada 1.1% (Disember 2021: 1.0%; purata 2015-2019: 1.0%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan atau 3.0% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan kepada perniagaan (Rajah 1.8). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh peminjam dalam sektor pembinaan, perlombongan dan pengkuarian, serta sektor perdagangan borong dan runcit. Seperti yang dijangka, PKS menghadapi lebih banyak cabaran untuk membayar balik obligasi hutang mereka memandangkan penampan mereka yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, penunjuk berpandangan ke hadapan bank-bank menunjukkan bahawa pinjaman terjejas perniagaan keseluruhan yang selanjutnya secara relatif adalah dibendung. Bahagian pinjaman perniagaan yang mempunyai risiko kredit yang meningkat[16] terus menurun (Jun 2022: 14.4%; Disember 2021: 16.2%; Disember 2019: 11.4%) sejajar dengan keadaan perniagaan yang bertambah baik secara beransur-ansur. Risiko daripada hutang luar negeri syarikat korporat bukan kewangan juga kekal terurus dengan sebahagian besar (74%) dedahan tersebut mempunyai tempoh matang jangka sederhana hingga jangka panjang melebihi satu tahun. Selain itu, analisis terhadap syarikat korporat yang mempunyai peminjaman luaran yang besar[17] menunjukkan bahawa kebanyakan peminjaman tersebut dilindung nilai secara semula jadi atau dari segi kewangan. Sebanyak 15% daripada dedahan luaran utama syarikat korporat mungkin lebih mudah terjejas oleh volatiliti kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, para peminjam ini mempunyai hutang dalam negeri yang minimum (kurang 1% daripada pinjaman dan sekuriti hutang sistem perbankan domestik) lantas mengehadkan risiko langsung terhadap kestabilan kewangan domestik.

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] Merujuk pinjaman dan pembiayaan daripada sistem perbankan dan IKP. Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

[14] Kira-kira RM9.1 bilion (daripada jumlah peruntukan sebanyak RM31.1 bilion) kekal tersedia pada akhir bulan Jun 2022.

[15] Merujuk bon dan sukuk, termasuk kertas jangka pendek, kecuali dinyatakan sebaliknya. Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

[16] Dikelaskan sebagai pinjaman Tahap 2 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[17] Terdiri daripada kira-kira 90% peminjaman luaran bagi syarikat korporat, tidak termasuk pinjaman antara syarikat dan dedahan kredit dagangan.

Perniagaan dijangka terus menghadapi rintangan, terutamanya daripada kebimbangan berterusan terhadap gangguan dari segi bekalan, kos input yang lebih tinggi dan keadaan kewangan global yang semakin ketat. Menyedari cabaran ini, Bank telah menjalankan analisis sensitiviti[18] tentang kesan keadaan kewangan yang semakin ketat dan penurunan nilai ringgit terhadap pinjaman perniagaan. Apabila analisis sensitiviti ini digunakan pada ujian tekanan Bank sebelum ini, pinjaman terjejas perniagaan (termasuk PKS) boleh meningkat hingga 6.9% daripada pinjaman perniagaan (atau 2.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) menjelang akhir tahun 2023[19] di bawah senario buruk yang lebih melampau.[20] Hasil analisis ini kekal dalam jangkaan ujian tekanan institusi perbankan dan keupayaan penampan untuk menyerap kerugian, seperti yang ditunjukkan oleh nisbah modal selepas kejutan bagi sistem perbankan iaitu sebanyak 15.4% pada akhir tahun 2023. Penunjuk risiko mungkir syarikat korporat[21] juga terus bertambah baik, dengan kebarangkalian berlakunya mungkir bagi syarikat yang berada pada kedudukan median terus menurun pada suku kedua tahun 2022 (0.17%; S4 2021: 0.22%; purata 2015-2019: 0.15%). Skim jaminan kredit sedia ada[22] dan program bantuan bayaran balik pinjaman yang sedang dijalankan oleh bank-bank akan terus menyokong peminjam berdaya maju. Mekanisme penyelesaian hutang[23] seperti Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS)[24] dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) menyediakan pilihan penstrukturan semula luar mahkamah bagi syarikat berdaya maju yang menghadapi kesukaran, meskipun bilangan kes yang dikendalikan melalui mekanisme ini kekal rendah.

Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh keupayaan bank-bank yang telah bertambah baik sejak Krisis Kewangan Asia untuk menguruskan dan menyelesaikan hutang berbilang pemberi pinjaman. Selain itu, bank-bank telah meningkatkan keupayaan operasi mereka dengan ketara untuk menyokong bantuan balik pinjaman yang disesuaikan bagi peminjam mereka dengan memanfaatkan pengalaman mereka semasa pandemik.

Walaupun usaha penyelesaian hutang terus didorong terutamanya oleh bank-bank, rangka kerja penyelesaian hutang yang mantap dapat memainkan peranan penting di bawah keadaan tekanan yang lebih meluas untuk mengurangkan jurang ketaksolvenan dan memberikan bantuan penting kepada syarikat berdaya maju yang menghadapi kesukaran. Faktor utama rangka kerja sedemikian ialah mekanisme penyelamatan (*rescue mechanism*) syarikat korporat melalui penyelesaian di luar mahkamah dan penyelesaian yang dibenarkan oleh mahkamah yang dapat:

i. Membantu memulihkan kedudukan kewangan dan aliran tunai serta mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju;
ii. Meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang; dan
iii. Mengurangkan potensi kerugian institusi kewangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan prospek pemulihan dengan teruk.

Oleh itu, adalah sangat penting untuk mempercepat usaha penambahbaikan perundangan bagi Akta Syarikat 2016[25] dan meningkatkan usaha bagi memudahkan proses pelupusan syarikat perniagaan yang lebih kecil.

[18] Analisis sensitiviti ini mengandaikan keadaan kewangan yang semakin diperketat, termasuk penurunan nilai ringgit hingga 10% dan peningkatan purata kadar hasil bon korporat hingga lebih 200 mata asas. Rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' untuk keterangan lanjut.

[19] Ujian tekanan sebelum ini: Hingga 6.2% daripada dedahan pinjaman perniagaan (2.2% daripada jumlah dedahan bank) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.

[20] Rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

[21] Seperti yang direkodkan oleh penunjuk Bloomberg Default Risk yang mengukur kebarangkalian kemungkiran dalam tempoh satu tahun untuk sampel syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia. Penunjuk ini adalah berdasarkan ukuran jarak kemungkiran (*distance-to-default*) Merton, berserta dengan faktor tambahan yang berkaitan dengan ekonomi dan statistik.

[22] Jaminan kredit oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad.

[23] Rujuk Rencana 'Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2020 BNM untuk keterangan lanjut.


[24] SDRS telah membantu lebih 1,500 PKS dengan pembiayaan berjumlah RM2.4 bilion di bawah R&R sejak tahun 2003.

[25] Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerbitkan dokumen rundingan berhubung dengan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2020 yang akan memperluas rangkuman syarikat yang akan mendapat manfaat daripada mekanisme penyelamatan ini dan pada masa yang sama menerapkan perlindungan yang secukupnya terhadap kemungkinan mekanisme ini disalahgunakan.

Keadaan pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik menyokong daya tahan isi rumah yang berterusan, namun risiko masih berlarutan bagi beberapa segmen

Pemberian pinjaman kepada isi rumah terus pulih daripada gangguan yang diakibatkan oleh pandemik. Berdasarkan pertumbuhan tahunan, hutang isi rumah[26] berkembang pada kadar yang lebih cepat (5.5%; Disember 2021: 4.1%) pada separuh pertama tahun 2022. Trend suku tahun ke suku tahun juga menunjukkan pemulihan yang berterusan (Rajah 1.9). Pinjaman bagi pembelian harta kediaman dan kenderaan merupakan pendorong utama bagi pertumbuhan hutang isi rumah, sejajar dengan keadaan pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik (Rajah 1.10). Langkah-langkah dasar oleh Kerajaan[27] telah menggalakkan lagi pembelian rumah dan kenderaan apabila kegiatan ekonomi bersambung semula dan Malaysia beralih ke fasa endemik. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK telah kembali menghampiri paras sebelum pandemik pada 84.5% (Disember 2021: 89.1%; 2019: 82.8%), selaras dengan piawaian pemberian pinjaman yang pada amnya kekal berhemat, terutamanya dalam kalangan bank-bank (Rajah 1.11). Kesannya, hutang isi rumah berkembang pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan pertumbuhan kukuh KDNK nominal yang dicatatkan pada separuh pertama tahun 2022.


Rajah 1.9: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Suku Tahunan



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 1.10: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: 1. Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.11: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.


Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

[26] Pinjaman yang diberikan oleh bank-bank dan institusi kewangan bukan bank.

[27] Langkah-langkah ini termasuk pengecualian duti setem yang diumumkan dalam Bajet 2021 untuk pembeli rumah kali pertama bagi harta tanah yang berharga hingga RM500,000 mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025 serta pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan bagi pembelian kenderaan bermotor yang dilanjutkan hingga bulan Jun 2022.

Bank-bank terus menyokong pemberian pinjaman kepada isi rumah pada separuh pertama tahun 2022 (pertumbuhan pinjaman terkumpul: 5.8%; Disember 2021: 4.3%). Median nisbah hutang kepada pendapatan[28] (*debt-to-income*, DTI) bagi keseluruhan isi rumah hanya meningkat sedikit pada tempoh pandemik meskipun terdapat kejutan pendapatan dan bantuan bayaran balik pinjaman yang berskala besar yang diberikan oleh bank-bank (Jun 2022: 1.5 kali; Disember 2019: 1.4 kali). Keadaan ini konsisten merentas seluruh kumpulan pendapatan (Rajah 1.12) dan menyokong pemerhatian penyeliaan terhadap piawaian pemberian pinjaman oleh bank-bank yang kekal kukuh serta tingkah laku peminjaman yang lebih berhati-hati semasa pandemik. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang juga terus berhemat. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan pinjaman terkumpul masing-masing berada pada 43% dan 35%, lantas mengekalkan penampan yang kukuh bagi bayaran balik pinjaman. Bahagian peminjam yang lebih berisiko dengan DSR melebihi 60% kekal stabil sebanyak 24% daripada jumlah peminjam isi rumah (atau 32.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan). Kebanyakan (67%) daripada hutang ini berkaitan dengan peminjam yang berpendapatan lebih RM5,000 sebulan, dengan nisbah pinjaman terjejas[29] yang rendah (1.3%; Disember 2021: 1.2%). Walau bagaimanapun, bank-bank berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya kesan kerosakan jangka panjang akibat pandemik yang boleh menyebabkan pinjaman terjejas menjadi lebih tinggi. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh perubahan struktur dalam pasaran pekerjaan atau prospek pertumbuhan yang tidak sekata dalam sektor ekonomi tertentu. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan bahawa sistem perbankan mempunyai daya tahan terhadap senario penampan kewangan isi rumah yang sedia ada berkurang secara beransur-ansur, lantas mengehadkan risiko kestabilan kewangan.[30]

Rajah 1.12: Sektor Isi Rumah - Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank juga terus berwaspada terhadap sumber risiko kredit yang baharu, termasuk perkembangan berkaitan dengan skim beli sekarang bayar kemudian (*buy-now-pay-later*, BNPL). Walaupun skim BNPL telah mengalami pertumbuhan yang pesat, data yang tersedia menunjukkan bahawa dedahan isi rumah kepada beberapa pemberi pinjaman BNPL terbesar pada masa ini adalah masih kecil berbanding dengan jumlah pemberian pinjaman isi rumah (kurang 0.1%). Pada masa ini, skim BNPL ditawarkan terutamanya oleh penyedia bukan bank, meskipun beberapa bank baru-baru ini juga menyediakan skim tersebut untuk pelanggan mereka, sama ada secara langsung atau melalui kerjasama dengan pemberi pinjaman BNPL utama. Bank-bank yang terlibat dalam aktiviti BNPL dikehendaki menjalankan penilaian kemampuan pinjaman mengikut keperluan pemberian pinjaman secara bertanggungjawab yang sedia ada. Tindakan ini adalah untuk tidak menggalakkan pengguna, khususnya isi rumah yang lebih mudah terjejas, membuat pembelian menggunakan wang pinjaman yang tidak mampu dibayar balik. Di luar sistem perbankan, penyedia BNPL pada masa ini tidak tertakluk pada pengawalseliaan yang formal. Hal ini sedang diselesaikan sebagai sebahagian daripada pembaharuan yang lebih meluas terhadap rangka kerja pengawalseliaan bagi penyedia kredit pengguna menerusi cadangan penggubalan Akta Kredit Pengguna yang dijadualkan untuk pembentangan di Parlimen pada tahun 2023. Di bawah Akta yang dicadangkan ini, penyedia kredit bukan bank, termasuk penyedia BNPL, akan tertakluk pada keperluan pengawalseliaan yang

[28] DTI ialah ukuran leveraj keseluruhan peminjam. DTI dikira bagi setiap peminjam dengan mengambil nisbah semua hutang terkumpul peminjam kepada pendapatan tahunan kasar mereka. Nisbah DTI ialah penunjuk baharu yang dikira menggunakan data yang terperinci pada peringkat peminjam. Nisbah DTI ini menggantikan nisbah leveraj isi rumah dahulu yang berdasarkan kaji selidik terhadap bank-bank.

[29] Nisbah pinjaman terjejas merujuk pinjaman Tahap 3 berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).

[30] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 BNM untuk keterangan lanjut.

sewajarnya bagi mengukuhkan perlindungan yang diberikan kepada pengguna kredit. Hal ini termasuk piawaian dan keperluan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab mengenai layanan adil kepada pengguna, selaras dengan piawaian dan keperluan yang dikenakan terhadap bank-bank pada masa ini.

Risiko kredit yang berkaitan dengan hutang perumahan (yang mencakupi hampir 60% daripada hutang isi rumah) kekal terurus. Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) pinjaman perumahan terkumpul kekal stabil pada 65.3% (Disember 2021: 65.2%). Hal ini menyediakan penampan yang mencukupi bagi bank-bank dan peminjam terhadap penurunan harga rumah, meskipun risiko keadaan ini berlaku telah reda berikutan pemulihan dalam aktiviti pasaran perumahan (rujuk Rencana 'Perkembangan Pasaran Harta Kediaman'). Pemilik rumah[31] yang mempunyai insentif yang lebih besar untuk membayar balik pinjaman mereka (berbanding dengan pelabur isi rumah) terus mendorong pertumbuhan hutang perumahan, mencakupi lebih dua pertiga daripada peningkatan hutang perumahan. Seperti tempoh sebelumnya, lebih separuh (58%) daripada akaun pinjaman perumahan yang baru diluluskan adalah kepada pembeli rumah kali pertama dan sebahagian besarnya mempunyai margin pembiayaan yang lebih tinggi (lebih 90% daripada nilai harta tanah ketika pinjaman dibuat). Bagi menyahut saranan supaya bank-bank menyokong matlamat pemilikan rumah, sebahagian besar peminjam ini adalah daripada golongan yang berpendapatan lebih rendah. Hal ini boleh meningkatkan kerugian bank-bank dan akses kewangan peminjam tersebut akan terus terjejas pada masa hadapan sekiranya berlaku kemungkiran. Penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang berhemat oleh bank-bank serta jaminan gadai janji[32] terus mengurangkan risiko-risiko ini dengan ketara. Beberapa bank telah memperkukuh penilaian kemampuan pinjaman untuk mengambil kira prospek kenaikan kadar faedah. Hasilnya, median DSR yang dikaitkan dengan pinjaman perumahan yang baru diluluskan menunjukkan trend yang lebih rendah daripada paras yang dicatatkan sebelum pandemik (51%; purata 2015-2019: 54.8%). Hal ini akan meningkatkan lagi penampan bayaran balik hutang.

Meskipun persekitaran kadar faedah yang paling rendah dicatatkan, pelaburan dalam pasaran perumahan yang dibiayai oleh peminjaman bank-bank tidak meningkat dengan ketara. Pertumbuhan dedahan pinjaman perumahan bank kepada pemilik rumah terus mengatasi pelabur isi rumah[33] (masing-masing 8.0% dan 5.6%; Disember 2021: 7.5% dan 5.8%). Berbanding dengan pemilik rumah, pelabur isi rumah secara amnya menunjukkan risiko kredit yang lebih tinggi kerana mereka lebih cenderung untuk mungkir jika gadai janji mereka mengalami ekuiti negatif atau ialah pendapatan sewaan mereka terjejas. Bukti berkaitan perkara ini adalah terhad, disebabkan terutamanya oleh piawaian pemberian pinjaman oleh bank-bank. Pelabur isi rumah sebahagian besarnya ialah peminjam berpendapatan melebihi RM5,000 sebulan dan lebih berupaya menghadapi kejutan pendapatan. Bank-bank juga kekal berhemat apabila memberikan pinjaman kepada segmen peminjam ini dengan menggunakan nisbah LTV yang lebih rendah berbanding dengan pemilik rumah. Lebih separuh (53%) pinjaman kepada pelabur isi rumah mempunyai nisbah LTV bawah 90% (berbanding dengan 36% pinjaman kepada pemilik rumah). Faktor-faktor ini terus menyokong kemantapan kualiti dedahan pinjaman pelabur isi rumah. Kebanyakan dedahan kepada pelabur isi rumah sebahagian besarnya terus berbayar dengan hanya 1.2% dedahan tersebut dilaporkan berada pada kedudukan ekuiti negatif.

Kualiti peminjaman isi rumah kekal kukuh dalam keadaan bantuan bayaran balik pinjaman yang ditamatkan secara beransur-ansur dan OPR yang kembali ke paras wajar


Bahagian hutang isi rumah di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman menurun dengan ketara pada separuh pertama tahun 2022 kepada 2.4% (Disember 2021: 18.8%) daripada pinjaman terkumpul sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Sebahagian besar peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah menyambung semula

[31] Diwakili oleh peminjam individu yang mempunyai satu pinjaman perumahan.
[32] Skim yang ditawarkan oleh Skim Rumah Pertamaku oleh Cagamas Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP).
[33] Pelabur isi rumah merujuk peminjam individu yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman perumahan.

bayaran balik pinjaman mereka berikutan keadaan pekerjaan dan ekonomi yang bertambah baik. Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan oleh bank-bank sebagai mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi (pinjaman Tahap 2) juga terus menurun kepada 7.9% (Disember 2021: 8.5%). Bahagian pinjaman Tahap 2 dijangka terus bertambah baik sepanjang tahun 2022 apabila lebih banyak peminjam yang keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman menamatkan tempoh "pemerhatian" minimum untuk bayaran balik pinjaman (lazimnya selama enam bulan, dengan beberapa bank menjalankan tempoh pemerhatian selama 12 hingga 24 bulan) sebelum bank-bank mengelaskan semula pinjaman tersebut kepada Tahap 1 (risiko kredit rendah). Hanya sebahagian kecil peminjam masih menghadapi cabaran dalam membayar balik pinjaman mereka, lantas menyebabkan peningkatan sedikit bagi nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen,[34] masing-masing kepada 1.2% dan 0.6% (Rajah 1.13). Peningkatan ini sejajar dengan jangkaan bagi tahun 2022 dan mencerminkan terutamanya bantuan bayaran balik pinjaman yang ditamatkan serta pemulihan ekonomi yang tidak sekata. Walaupun sesetengah peminjam juga mungkin menghadapi tekanan tambahan daripada kenaikan kos peminjaman dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka tidak akan menjejaskan dengan ketara prospek pinjaman terjejas memandangkan penampan bayaran balik hutang yang tersedia. Walau bagaimanapun, peminjam yang masih berada dalam program bantuan bayaran balik pinjaman, yang sebahagian besarnya telah berada di bawah tempoh bantuan yang panjang, mungkin menimbulkan risiko yang lebih tinggi. Bank-bank telah membuat peruntukan yang mencukupi untuk pinjaman-pinjaman ini, termasuk melalui pertimbangan pengurusan *(management overlay)*. Kebanyakan bank dijangka mengekalkan amalan penetapan tahap pinjaman dan peruntukan yang konservatif bagi baki tempoh tahun 2022 apabila mereka terus memantau trend bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman (rujuk bahagian 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' untuk keterangan lanjut).

[34] Nisbah delinkuen berdasarkan pinjaman dengan tunggakan selama dua bulan.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Nota: Data pinjaman/pembiayaan yang digunakan adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aset kewangan isi rumah meningkat pada kadar yang lebih perlahan (0.2%; Disember 2021: 2.4%) disebabkan terutamanya oleh prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah dan pengeluaran simpanan persaraan yang besar di bawah kemudahan pengeluaran khas KWSP yang diperkenalkan pada bulan April 2022 (Rajah 1.14). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sesetengah peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi dan penampan kewangan yang terhad boleh mengalami tekanan kewangan, terutamanya dalam persekitaran semasa iaitu tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Berdasarkan simulasi konservatif tentang kejutan kos pinjaman dan perbelanjaan asas tambahan yang digunakan pada ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank pada awal tahun 2022,[35] hingga 5.7% daripada dedahan pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan (atau 3.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.[36] Seperti yang dijangka, sebahagian besar (65%) daripada peminjam yang berisiko[37] terus terdiri daripada peminjam berpendapatan bawah RM5,000 sebulan memandangkan penampan kewangan mereka yang secara relatif rendah untuk menghadapi kejutan


[35] Rujuk bahagian 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 untuk keterangan lanjut.

[36] Ujian tekanan sebelum ini: Hingga 5.0% daripada dedahan pinjaman isi rumah (2.9% daripada jumlah dedahan bank) mungkin berisiko untuk mungkir menjelang akhir tahun 2023.

[37] Merujuk peminjam yang berisiko untuk menghabiskan penampan tunai atau deposit mereka. Rujuk rencana 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020 untuk keterangan lanjut.

yang teruk dan berpanjangan. Walau bagaimanapun, peningkatan tambahan yang sedikit dalam pinjaman isi rumah yang terjejas jika dibandingkan dengan ujian tekanan sebelum ini menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam berdaya tahan terhadap kos peminjaman dan perbelanjaan perlu yang lebih tinggi. Peminjam berpendapatan bawah RM5,000 sebulan juga kurang terjejas oleh kenaikan OPR memandangkan lebih separuh (56%) daripada pinjaman mereka[38] merupakan pinjaman berkadar tetap seperti pinjaman kereta, yang bayaran balik pinjamannya tidak berubah mengikut pergerakan OPR (Rajah 1.15). Kadar yang lebih tinggi juga akan meningkatkan pulangan ke atas simpanan isi rumah, lantas mengukuhkan penampan kewangan mereka.


Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Aset Kewangan Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Bank-bank terus memberikan bantuan kepada peminjam yang masih menghadapi cabaran dari segi kewangan berikutan pemulihan yang tidak sekata dan kenaikan kos sara hidup. Pada separuh pertama tahun 2022, pendaftaran bagi Program Pengurusan Kredit yang ditawarkan oleh AKPK dengan kerjasama bank-bank telah meningkat berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2021 (15,034; ST1 2021: 12,852). Walau bagaimanapun, pendaftaran kekal lebih rendah berbanding dengan tempoh sebelum pandemik (ST1 2019: 23,641) apabila peminjam berurusan terus dengan bank-bank mereka bagi memanfaatkan pelbagai pelan bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank mengikut keadaan kewangan peminjam tersebut (Rajah 1.16). Selain itu, setakat bulan Julai 2022, sebanyak 7,302 individu dengan jumlah dedahan pinjaman sebanyak RM3.4 bilion telah mendaftar untuk Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS).[39] Tindakan kebankrapan terus menjadi pilihan terakhir bagi bank-bank, selepas semua usaha untuk pemulihan dan pengutipan hutang yang lain telah dilaksanakan.


Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Bahagian Akaun Pinjaman Berkadar Tetap dan Berkadar Terapung Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: Tidak termasuk kad kredit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Program Pengurusan Kredit yang Diluluskan oleh AKPK



Nota: Data untuk ST1 2022 merujuk kepada kelulusan pada tahun ini hingga setakat akhir bulan Jun 2022.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

[38] Mengikut bilangan akaun pinjaman.

[39] URUS ditubuhkan untuk membantu kumpulan peminjam 50 peratus terbawah (Bottom 50, B50) yang layak bagi meringankan kesukaran kewangan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan menyediakan sokongan menyeluruh untuk daya tahan kewangan jangka panjang. Permohonan URUS dibuka mulai 15 November 2021 hingga 31 Mac 2022. Bagi peminjam B50 yang layak dan telah mendaftar untuk bantuan banjir yang ditawarkan oleh bank-bank, permohonan URUS masih boleh dibuat sehingga tamat tempoh bantuan banjir peminjam atau hingga 31 Julai 2022.

Perkembangan Pasaran Harta Kediaman


Transaksi pasaran perumahan meningkat dengan ketara pada suku keempat tahun 2021 berikutan kegiatan ekonomi yang disambung semula dan Kempen Pemilikan Rumah yang berakhir pada 31 Disember 2021, sebelum kembali normal pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 1.17). Trend ini terus didorong sebahagian besarnya oleh segmen pasaran umum. Unit rumah yang berharga bawah RM500,000 mencakupi 80% daripada jumlah transaksi pada separuh pertama tahun 2022. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan harga rumah kekal di bawah purata jangka panjangnya (S1 2022: 2.4%; purata 2015-2019: 5.3%). Penganalisis industri menjangka aktiviti pasaran akan terus disokong sekitar paras sebelum pandemik dengan pertumbuhan harga rumah yang sederhana. Walaupun inflasi dan kadar pinjaman yang lebih tinggi sebahagiannya boleh menjejaskan momentum pemulihan, aktiviti pasaran keseluruhan akan meraih manfaat daripada pemulihan pendapatan dan aktiviti perniagaan secara beransur-ansur serta pelbagai langkah bantuan. Hal ini termasuk pelanjutan pengecualian duti setem yang diumumkan baru-baru ini bagi harta tanah berharga RM500,000 dan ke bawah, dan diskaun duti setem sebanyak 50% bagi harta tanah berharga lebih RM500,000 hingga RM1 juta.

Walaupun terdapat penambahbaikan, risiko pertumbuhan menjadi perlahan masih berlarutan dengan sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakseimbangan permintaan dan penawaran yang berterusan. Bilangan unit perumahan tidak terjual menurun tetapi kekal tinggi (S1 2022: 175,065; 2021: 183,918; purata 2015-2021: 142,317).[40] Sebahagian besar (65%) unit-unit ini kekal tidak terjual selama lebih tiga tahun (Rajah 1.18) disebabkan oleh harga rumah yang jauh melebihi tahap kemampuan kebanyakan isi rumah, khususnya di negeri-negeri utama. Selain kemampuan, perkhidmatan pengangkutan awam yang terhad dan permintaan yang rendah bagi bangunan harta tanah tinggi di lokasi tertentu juga menyumbang kepada lebihan bekalan. Sementara itu, bekalan baharu dalam segmen mampu milik pada separuh pertama tahun 2022 kurang memberangsangkan. Bahagian harta kediaman yang baru dilancarkan berharga RM500,000 dan ke bawah menunjukkan trend yang lebih rendah (65.4%; 2021: 67.3%; 2020: 72.5%) meskipun terdapat permintaan yang kukuh daripada isi rumah.

Selaras dengan aktiviti pasaran, permintaan dan penawaran kredit untuk membeli harta kediaman telah meningkat. Permohonan pinjaman merentas semua segmen harga lebih tinggi pada separuh pertama tahun 2022 (Rajah 1.19). Pemilik rumah terus mendorong permintaan dan mencakupi 57.8% (ST2 2021: 57.6%) daripada pinjaman perumahan yang diluluskan pada separuh pertama tahun 2022. Kadar kelulusan keseluruhan juga telah pulih kepada paras sebelum pandemik dengan bank-bank terus mematuhi penilaian kemampuan pinjaman berhemat.


[40] Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan (masing-masing 35.2% dan 64.8% daripada jumlah unit yang tidak terjual) untuk kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO)/*small office, virtual office* (SOVO).

Rajah 1.17: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.18: Pasaran Harta Tanah – Komposisi Unit Perumahan Tidak Terjual Mengikut Tempoh Tidak Terjual



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.19: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Pinjaman Perumahan Mengikut Harga



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan (Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey, FCI) merupakan kaji selidik merentas seksyen yang dijalankan oleh Bank setiap tiga tahun.[1] Kajian ini menilai tahap keupayaan kewangan rakyat Malaysia dengan mengukur tahap pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan yang digunakan untuk membentuk Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Literacy and Capability Index, MYFLIC). Kaji selidik terkini telah dijalankan pada suku keempat tahun 2021. Kaji selidik ini mencerminkan kesan pandemik COVID-19, seterusnya memberikan pemahaman tambahan tentang keadaan kewangan isi rumah rakyat Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keupayaan kewangan ketika negara mula pulih daripada kesan pandemik. Antara tinjauan utama adalah seperti yang dipaparkan dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1: Ringkasan Kaji Selidik FCI 2021



Berbanding dengan tahun 2018, rakyat Malaysia lebih yakin dengan tahap pengetahuan kewangan mereka, disebabkan oleh peningkatan tahap kesedaran tentang membuat keputusan kewangan dan bantuan semasa pandemik



Walaupun penerimaan perkhidmatan dan produk kewangan digital semakin meluas, literasi kewangan digital kekal rendah. Lebih satu pertiga daripada responden berkongsi kata laluan atau butiran akaun bank mereka dengan kawan rapat



Cabaran kewangan akibat pandemik memberikan pengaruh positif terhadap tingkah laku kewangan jangka panjang, dengan lebih ramai rakyat Malaysia menekankan kepentingan perancangan persaraan dan pengurusan risiko kewangan peribadi



Peningkatan yang sedikit pada daya tahan jangka pendek, berkemungkinan kesan daripada bantuan kewangan semasa pandemik. Sebanyak 47% responden menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 semasa kecemasan



Meskipun kesedaran tentang insurans/takaful didapati meningkat semasa pandemik, minat untuk mempelajarinya masih rendah dengan 1 daripada 3 responden tidak berminat untuk mengetahui subjek ini



Pengeluaran simpanan persaraan semasa pandemik telah sangat menjejaskan keyakinan terhadap daya tahan jangka panjang. Sebanyak 27% responden sangat atau agak bimbang tentang kecukupan kewangan mereka pada usia emas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berdasarkan kaji selidik pada tahun 2021 ini, indeks MYFLIC meningkat sebanyak 1.9 mata kepada 59.0 (2018: 57.1). Peningkatan ini mencerminkan kenaikan yang ketara dalam skor pengetahuan kewangan dan skor sikap kewangan yang lebih baik (Gambar Rajah 2).

Tahap celik kewangan dan celik angka yang meningkat telah menyumbang kepada penambahan terbesar dalam subindeks pengetahuan kewangan, terutamanya berkaitan dengan topik faedah dan kesannya terhadap bayaran balik pinjaman (2021: 72; 2018: 62). Pelaksanaan pelbagai langkah bantuan bayaran balik pinjaman semasa pandemik serta bahan komunikasi yang berkaitan merupakan faktor penyumbang penting kepada kesedaran dan pemahaman yang lebih tinggi tentang konsep kewangan. Rakyat Malaysia juga menunjukkan pemahaman yang lebih tinggi tentang konsep kewangan berkaitan pelaburan seperti risiko dan pulangan (2021: 86; 2018: 77) serta inflasi (2021: 81; 2018: 75). Walau bagaimanapun, dapatan tentang penerapan konsep ini secara berkesan memberikan gambaran yang berbeza. Misalnya, kebanyakan responden (86%) mendakwa bahawa mereka memahami pulangan yang tinggi melibatkan risiko yang tinggi. Namun begitu, lebih separuh daripada responden (53%) menganggap pulangan tahunan antara 20% hingga 30% sebagai pulangan yang rendah atau sederhana, dan begitu juga tahap risikonya. Selain itu, hanya 43% daripada responden dapat mengaitkan kesan inflasi terhadap kuasa beli mereka.

Skor subindeks sikap kewangan meningkat sedikit. Hal ini selaras dengan peningkatan tahap pengetahuan kewangan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini mungkin juga mencerminkan ketidakpastian lebih tinggi tentang prospek kewangan yang dihadapi rakyat Malaysia berikutan kesan ekonomi akibat pandemik. Dalam hal ini, rakyat Malaysia menjadi lebih berhati-hati dan lebih cenderung menyimpan serta menetapkan matlamat kewangan jangka panjang

[1] Kaji selidik terdahulu dijalankan pada tahun 2015 dan 2018.

Gambar Rajah 2: Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) 2021



Nota: Sampel utama
- Sebanyak 3,007 sampel dikumpulkan berdasarkan struktur demografi penduduk Malaysia dalam banci tahun 2010 yang distratakan kepada enam kriteria iaitu taburan geografi, bandar/luar bandar, etnik, umur, jantina dan tahap pendapatan.
- Rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas.
- Temu duga dengan bantuan komputer secara bersemuka dari rumah ke rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

supaya lebih bersedia menghadapi kejutan pada masa hadapan. Meskipun perkembangan ini positif, skor sikap kewangan di Malaysia masih berada jauh di bawah purata skor antarabangsa.[2] Khususnya, majoriti rakyat Malaysia tidak merancang untuk masa hadapan sebelum membelanjakan wang yang mereka terima.

Di samping itu, tingkah laku kewangan (seperti yang diwakili oleh subindeks tingkah laku) telah menurun, meskipun pengetahuan dan sikap kewangan bertambah baik. Hal ini tidak mengejutkan berikutan penampan kewangan yang semakin berkurang sepanjang tempoh ini menyukarkan lagi pengurusan perbelanjaan harian dan simpanan untuk masa hadapan. Selain itu, pengeluaran simpanan persaraan dalam jumlah yang besar di bawah skim pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu isi rumah sepanjang pandemik juga telah mengurangkan keyakinan mereka terhadap perancangan persaraan jangka panjang. Pemerhatian utama berhubung dengan tiga komponen Indeks MYFLIC adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pemerhatian Utama Tentang Celik dan Keupayaan Kewangan dalam Kalangan Rakyat Malaysia

Pengetahuan Kewangan	**Mengukur pengetahuan asas tentang konsep dan keupayaan kewangan dalam menggunakan kemahiran angka bagi menangani situasi kewangan** ⬆ 81% memahami konsep inflasi (2018: 75%). Namun, hanya 43% boleh mengaitkan kesan kenaikan harga dengan kuasa beli mereka (2018: 38%) ⬆ 72% faham bahawa faedah/keuntungan perlu dibayar atas pinjaman (2018: 62%) ⬆ 86% sedar bahawa pelaburan yang memberikan pulangan tinggi berkemungkinan berisiko tinggi (2018: 77%)
Tingkah Laku Kewangan	**Mengukur tindakan pengguna yang membentuk kedudukan dan kesejahteraan kewangan mereka** ⬆ 47% mendakwa menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan (2018: 52%) ⬇ 54% tidak menghadapi cabaran dalam memenuhi perbelanjaan mereka (2018: 67%) ⬇ 69% mampu menyimpan untuk perbelanjaan luar jangka (2018: 71%)
Sikap Kewangan	**Mengukur sikap pengguna yang mempengaruhi keputusan dan tindakan kewangan mereka** ⬇ 64% menunjukkan kawalan diri dan disiplin dalam menguruskan kewangan mereka (2018: 67%) ⬆ 51% memberikan tumpuan pada masa hadapan berbanding dengan sikap "hidup untuk hari ini" (2018: 46%) ⬆ 43% tidak bersetuju bahawa wang perlu dibelanjakan (2018: 39%), menggambarkan lebih ramai rakyat Malaysia kini cenderung untuk merancang sebelum berbelanja

⬆ Penambahbaikan ⬇ Penurunan

Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Berdasarkan International Survey of Adult Financial Literacy (OECD/INFE Survey) 2020 oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)/International Network for Financial Education (INFE), skor purata sikap kewangan untuk negara-negara OECD adalah sebanyak 62, manakala purata keseluruhan adalah sebanyak 60.

Kira-kira satu daripada empat responden mengalami pengurangan pendapatan yang besar (melebihi 25%) sepanjang tempoh pandemik. Meskipun begitu, lebih banyak responden menyatakan mereka dapat menyara kehidupan sehingga enam bulan selepas hilang punca pendapatan. Daya tahan jangka pendek yang lebih tinggi ini sebahagiannya mungkin disokong oleh pelbagai bantuan kewangan sepanjang pandemik, seperti bantuan bayaran balik pinjaman, skim pengeluaran khas KWSP dan bantuan tunai. Walau bagaimanapun, keadaan ini mungkin menjejaskan kesejahteraan kewangan jangka panjang memandangkan lebih ramai rakyat Malaysia yang menyatakan "sangat/agak bimbang" tentang keupayaan untuk menampung perbelanjaan pada hari tua (2021: 27%; 2018: 16%).

Gambar Rajah 3: Pendapatan Isi Rumah Terjejas Semasa Pandemik



42% Pendapatan Tidak Berubah

55% Pendapatan Berkurang
- **Hingga 25% (32%)**
- **Hingga 50% (18%)**
- **Lebih 50% (5%)**

3% Pendapatan Bertambah

Sekiranya hilang pendapatan, rakyat Malaysia mampu menampung perbelanjaan hidup

antara tiga hingga enam bulan
36%
(2018: 24%)

untuk lebih daripada enam bulan
16%
(2018: 10%)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengurusan risiko kewangan peribadi

Sebanyak 53% rakyat Malaysia mendakwa yang mereka mampu mendapatkan dana kecemasan untuk perbelanjaan luar jangka, iaitu peningkatan daripada 47% pada tahun 2018. Tahap kesedaran tentang insurans dan takaful juga telah meningkat dengan ketara kepada 77% (2018: 64%). Lebih banyak rakyat Malaysia (2021: 12%; 2018: 3%) juga semakin sedar tentang produk insurans/takaful yang ditawarkan di bawah Perlindungan Tenang.[3] Pelaksanaan inisiatif Baucar Perlindungan Tenang pada tahun 2021 telah menyumbang kepada kesedaran yang lebih tinggi, berdasarkan peningkatan langganan yang ketara bagi produk Perlindungan Tenang pada tahun 2021 kepada 1.6 juta polisi (2020: 62,500 polisi). Pengambilan perlindungan insurans/takaful turut meningkat (2021: 23%; 2018: 17%), walaupun tahap ini masih rendah dengan kebanyakan responden tidak mempunyai insurans/takaful kematian, hilang upaya atau sakit.[4] Kemampuan mendapatkan perlindungan insurans/takaful terus menjadi cabaran utama bagi segmen isi rumah berpendapatan lebih rendah berikutan baki wang yang sedikit selepas berbelanja untuk barangan keperluan, meskipun terdapat pelbagai produk mampu milik yang ditawarkan di bawah Perlindungan Tenang. Secara amnya, insurans/takaful tidak dilihat sebagai instrumen penting untuk menguruskan risiko kewangan peribadi, dengan satu daripada tiga rakyat Malaysia menyatakan mereka tidak berminat untuk mengambil tahu tentang insurans/takaful (Gambar Rajah 4). Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat yang lebih baik tentang insurans/takaful perlu disediakan bagi meningkatkan pengetahuan dan membetulkan salah tanggapan. Usaha berterusan juga sangat penting untuk mengatasi jurang pasaran melalui produk, pengunderaitan dan kaedah pengedaran yang memenuhi keperluan segmen isi rumah yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan ini.


[3] Perlindungan Tenang merupakan inisiatif negara untuk menyediakan akses kepada perlindungan insurans dan takaful yang asas, mudah dan mampu milik. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan serta kualiti penyelesaian insurans dan takaful bagi memenuhi segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan bagi menggalakkan daya tahan kewangan dan sosial mereka.

[4] Bank Negara Malaysia ambil maklum bahawa Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 menyatakan bahawa 42% orang dewasa memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat atau sijil takaful keluarga. Walau bagaimanapun, dapatan kaji selidik FCI 2021 lebih rendah kerana maklum balas sesetengah responden menunjukkan yang mereka mungkin tidak sedar bahawa mereka memiliki perlindungan insurans/takaful, contohnya Jaminan/Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurang (Mortgage-Reducing Term Assurance/Takaful).

Gambar Rajah 4: Menangani Perbelanjaan Luar Jangka




47% rakyat Malaysia sukar menyediakan RM1,000 sebagai dana kecemasan





35% rakyat Malaysia tidak berminat untuk mengetahui tentang insurans/takaful hayat dan manfaatnya. Majoriti dalam kalangan kumpulan itu juga tidak dapat menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keberhutangan yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia

Responden yang mendakwa bahawa mereka mempunyai terlalu banyak hutang[5] (2021: 30%; 2018: 32%) terdiri terutamanya daripada golongan pekerja bergaji yang mempunyai lebih keyakinan terhadap aliran pendapatan, lantas lebih cenderung untuk mengambil lebih banyak hutang. Dalam kalangan responden yang mendakwa berada pada tahap keberhutangan yang lebih teruk,[6] hanya 15% menyatakan akan menghubungi bank mereka untuk mendapatkan bantuan, manakala 57% memilih untuk mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan 27% daripada kawan rapat. Kira-kira satu daripada empat responden dalam kumpulan ini tidak selesa untuk mendapatkan bantuan daripada sesiapa pun. Hal ini menunjukkan bahawa usaha tambahan perlu dilaksanakan bagi menghilangkan stigma terhadap saluran khidmat nasihat dan bantuan pengurusan hutang yang boleh digunakan bagi menggalakkan intervensi awal dan mengelakkan kesan buruk kewangan yang berkekalan.

Perancangan persaraan

Rakyat Malaysia semakin bimbang tentang kemampuan mereka untuk menampung perbelanjaan pada hari tua, lantas mengambil langkah positif yang diperhatikan melalui peningkatan tingkah laku berkaitan dengan perancangan untuk hari tua (Gambar Rajah 5). Sebanyak 47% responden menyatakan simpanan KWSP merupakan sumber dana bagi menampung perbelanjaan hari tua mereka, seterusnya menjadikannya strategi persaraan yang paling lazim. Walau bagaimanapun, dalam kalangan responden yang lebih berumur (melebihi 50 tahun), mereka lebih bergantung pada sumber pendapatan lain (khususnya anak-anak dan ahli keluarga mereka) semasa persaraan. Keadaan ini akan meningkatkan komitmen kewangan keluarga bagi mereka yang menanggung ibu bapa dan saudara mara pada masa akan datang, yang memberikan implikasi penting terhadap daya tahan isi rumah pada masa hadapan sekiranya perancangan kewangan semasa tidak mengambil kira keadaan ini.

[5] Responden yang memilih 'Agak Setuju', 'Setuju' dan 'Setuju Sepenuhnya' bagi pernyataan 'Saya ada terlalu banyak hutang'.
[6] Responden yang memilih 'Setuju' dan 'Setuju Sepenuhnya' bagi pernyataan 'Saya ada terlalu banyak hutang'.


Gambar Rajah 5: Menguruskan Persaraan


Apabila rakyat Malaysia semakin menghampiri umur persaraan (berumur lebih daripada 50 tahun), mereka mula mempertimbangkan pilihan lain untuk membiayai perbelanjaan pada usia emas kerana merasakan bahawa simpanan persaraan KWSP tidak mencukupi



Strategi untuk Membiayai Perbelanjaan Isi Rumah Pada Usia Emas

	Semua responden	Responden berumur lebih daripada 50 tahun
Bergantung kepada KWSP	47%	34%
Bergantung kepada anak-anak	14%	29%
Meneruskan bekerja	25%	25%
Sokongan kewangan daripada keluarga	16%	21%





Sumber: Bank Negara Malaysia

Celik Kewangan Digital

Rakyat Malaysia menerima pakai pendigitalan dengan kadar yang pantas, terutamanya bagi pembelian di premis perniagaan, pindahan wang dan pembelian secara dalam talian. Meskipun produk dan perkhidmatan kewangan digital digunakan secara meluas,[7] kaji selidik mendapati bahawa tahap celik kewangan digital adalah rendah dan membimbangkan[8] (Gambar Rajah 6). Lebih satu pertiga responden (37%) sanggup berkongsi kata laluan dan/atau nombor PIN (*personal identification number*) akaun bank mereka dengan kawan rapat. Hal ini mendedahkan pengguna kepada risiko penipuan dalam talian, termasuk diperalatkan sebagai 'akaun keldai' bagi memudahkan kegiatan penipuan. Selain itu, 62% responden tidak mengendahkan keselamatan laman sesawang bank yang dilayari untuk membuat transaksi perbankan dalam talian. Sikap ini boleh menyebabkan mereka terperdaya untuk memberikan maklumat perbankan seperti nama pengguna atau kata laluan perbankan Internet serta maklumat kad kredit menerusi laman sesawang palsu. Maklumat ini boleh digunakan oleh penipu untuk melakukan penipuan. Seiring dengan langkah-langkah lain yang sedang dilaksanakan oleh bank-bank bagi memastikan keselamatan transaksi perbankan dalam talian, usaha menggiatkan pendidikan dan kesedaran bagi meningkatkan tahap celik kewangan digital, terutamanya tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah penipuan perbankan dalam talian, adalah sangat penting untuk mengekalkan keyakinan terhadap penggunaan perkhidmatan kewangan digital.

Gambar Rajah 6: Jurang Pengetahuan Celik Kewangan Digital dalam Kalangan Rakyat Malaysia



Sebanyak 37% rakyat Malaysia berkongsi kata laluan dan/atau PIN akaun bank dengan kawan rapat



Hanya 38% memberikan perhatian pada keselamatan laman sesawang sebelum membuat transaksi dalam talian - laman https, logo keselamatan atau sijil keselamatan



Hanya 11% kerap menukar kata laluan untuk membeli-belah dan menguruskan kewangan peribadi secara dalam talian

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Berdasarkan penggunaan perbankan mudah alih, perbankan Internet, kad pembayaran dan pembayaran mudah alih.
[8] Kaji selidik susulan mengenai Celik Kewangan Digital yang dijalankan selepas FCI 2021, dengan 1,000 sampel dikumpulkan dari seluruh negara.

Kesimpulan

Kejutan besar terhadap pendapatan dan kos sara hidup yang lebih tinggi baru-baru ini telah menjadikan perihal kewangan sebagai tumpuan dalam kalangan isi rumah rakyat Malaysia. Natijahnya, tahap pengetahuan kewangan meningkat dan sikap kewangan bertambah baik. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama sesetengah isi rumah kini berhadapan dengan cabaran realiti kewangan (seperti pendapatan yang tidak mencukupi/tidak menentu dan penampan yang lebih rendah). Cabaran ini mungkin menyukarkan mereka untuk mengubah tingkah laku kewangan walaupun mereka berhasrat untuk berbuat demikian. Kaji selidik ini juga menunjukkan bahawa langkah-langkah bantuan yang diperkenalkan semasa pandemik dan keadaan yang sedia ada sebelum pandemik berpotensi memberikan kesan jangka panjang terhadap daya tahan isi rumah jika tidak ditangani dengan sewajarnya. Persediaan yang tidak mencukupi untuk persaraan dan sikap isi rumah terhadap pengurusan hutang semasa menghadapi tekanan boleh menjejaskan daya tahan isi rumah pada masa hadapan. Tahap celik kewangan digital yang rendah amat membimbangkan, berikutan perkembangan pesat dalam penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Sikap berhati-hati dan mengamalkan langkah keselamatan siber semasa melakukan aktiviti dalam talian (*cyber hygiene*) amat penting, bermula daripada peringkat individu sebagai langkah pertahanan pertama dalam menghadapi risiko penipuan kewangan.

Dapatan Kaji Selidik FCI 2021 memberikan input yang bernilai bagi pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023.[9] Peningkatan dalam pengetahuan dan sikap kewangan memberikan peluang keemasan kepada Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) untuk memperhebat inisiatif yang boleh membantu individu merancang dan membuat perubahan tingkah laku yang berkekalan. Bagi tujuan ini, Bank sebagai ahli FEN bersama-sama dengan ahli lain serta rakan kerjasama dan pihak berkepentingan akan terus menyediakan alat dan sumber yang berkesan untuk membantu rakyat Malaysia mengawal kewangan peribadi mereka, termasuk menyediakan sumber dalam talian secara percuma melalui https://www.fenetwork.my/.

[9] Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019–2023 ialah pelan lima tahun yang dibangunkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan untuk meningkatkan tahap celik dan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia.

RISIKO OPERASI

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi meskipun menghadapi cabaran

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dari segi operasi tanpa sebarang gangguan operasi yang besar di seluruh sistem pada separuh pertama tahun 2022. Walau bagaimanapun, institusi perbankan melaporkan kerugian risiko operasi yang lebih besar pada separuh pertama tahun 2022 (RM374.2 juta; ST1 2021: RM118.1 juta). Kerugian ini adalah sepadan dengan lebih banyak insiden terpencil yang membabitkan penipuan yang berpunca daripada luar institusi, kesilapan pemprosesan dan insiden penipuan perbankan dalam talian yang terbatas kepada sesebuah institusi kewangan. Meskipun insiden risiko operasi tidak dapat dielakkan, hal ini boleh mengakibatkan risiko sistemik yang lebih meluas jika dikaitkan dengan kelemahan lazim merentas banyak institusi kewangan. Contoh kelemahan lazim tersebut termasuk kelemahan akibat hubung kait dengan infrastruktur pasaran yang sangat penting ataupun penumpuan terhadap penyedia perkhidmatan yang tertentu. Dari satu segi, penerapan teknologi yang lebih meluas dalam hampir setiap aspek operasi institusi kewangan telah mengurangkan risiko operasi yang berkaitan dengan proses secara manual. Namun begitu, keadaan ini telah meningkatkan kesalinghubungan sesama institusi kewangan, lantas mendorong kepada peningkatan risiko sistemik. Bagi mengurangkan risiko yang sedemikian, Bank sejak beberapa tahun lalu telah menghendaki institusi kewangan memperkukuh tindak balas mereka terhadap ancaman siber yang sentiasa berubah-ubah, menambah baik pengurusan berhubung dengan kebergantungan pada pihak ketiga dan meningkatkan keupayaan untuk pulih daripada pelbagai insiden operasi.

Sehubungan dengan itu, institusi kewangan terus meningkatkan tahap kesiapsiagaan mereka untuk bertindak balas terhadap gangguan operasi dan serangan siber. Setelah mempertingkatkan Pelan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Plan, BCP) dan Pelan Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Plan, DRP) dengan menggabungkan pengalaman semasa menguruskan kesan pandemik terhadap operasi mereka, institusi kewangan sedang menguji pelan ini di bawah simulasi senario krisis. Berikutan surat makluman *(advisories)* yang dikeluarkan oleh Bank, institusi kewangan juga telah meningkatkan dasar dan proses dalaman mereka untuk bertindak balas dan pulih dengan pantas daripada serangan perisian tebusan *(ransomware)* dan serangan rantaian bekalan siber. Pada bulan Jun 2022, Bank menerbitkan draf dedahan mengenai penilaian risiko teknologi awan sebagai tambahan kepada piawaian Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang dikeluarkan oleh Bank. Draf dedahan ini memberikan panduan kepada institusi kewangan mengenai pelaksanaan reka bentuk dan kawalan awan yang kukuh bagi mengurangkan risiko keselamatan maklumat dan gangguan perniagaan apabila lebih banyak institusi kewangan memanfaatkan perkhidmatan awan dalam operasi mereka (Jadual 1).

Jadual 1: Penggunaan Perkhidmatan Awan oleh Institusi Kewangan

	Bilangan Institusi Kewangan		Kadar Penggunaan (%)	
Sektor	**2020**	**2021**	**2020**	**2021**
Institusi perbankan	19	22	46	54
Syarikat insurans dan pengendali takaful	23	25	64	69
Pengeluar e-wang utama dan pengendali perkhidmatan pembayaran	4	4	40	40

Nota: Kadar penggunaan merujuk bilangan institusi kewangan yang telah menggunakan perkhidmatan awan sebagai peratusan daripada jumlah institusi kewangan bagi setiap sektor.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi kewangan terus meningkatkan pelaburan mereka dalam kawalan pengurusan risiko teknologi maklumat (*information technology,* IT), sejajar dengan piawaian RMiT yang ketat. Perbelanjaan IT keseluruhan tahunan oleh industri pada tahun ini dijangka mencecah RM5.6 bilion[40] (2021: RM3.9 bilion; CAGR 3 tahun: 11.6%). Hampir 10% daripada jumlah ini (RM494 juta) dijangka dibelanjakan untuk keselamatan siber (2021: RM322 juta; CAGR 3 tahun: 22.8%) untuk:

- melaksanakan kawalan keselamatan baharu dan meningkatkan sistem tindak balas dan pemulihan siber bagi memenuhi keperluan pendigitalan proses perniagaan yang pantas dan kerja dari jarak jauh serta melindungi permukaan serangan yang lebih luas;
- mendapatkan khidmat pihak ketiga yang bebas untuk melaksanakan penilaian keselamatan siber; dan
- melatih kakitangan dalam bidang IT serta fungsi pengawasan dan kawalan utama untuk menguruskan risiko siber baharu.


Industri juga telah meningkatkan tenaga kerja dalam bidang IT yang memberikan tumpuan pada keselamatan siber, iaitu sebanyak 15% antara tahun 2020 hingga 2022. Tenaga kerja ketiga-tiga barisan pertahanan iaitu operasi keselamatan siber, pengurusan risiko siber dan audit keselamatan siber telah meningkat dengan stabil. Walau bagaimanapun, institusi kewangan terus melaporkan cabaran besar dari segi penyumberan dan pengekalan tenaga mahir, dengan 10% daripada jawatan keselamatan siber yang telah diwujudkan masih tidak diisi setakat bulan Jun 2022. Hal ini akan terus menimbulkan beberapa risiko dari segi keupayaan sesebuah institusi untuk mengekalkan kestabilan dalam persekitaran kawalan mereka. Keadaan ini juga boleh mendorong kepada kemungkinan risiko penumpuan yang lebih tinggi jika lebih banyak institusi bergantung pada perkhidmatan pihak ketiga untuk meningkatkan keupayaan dalaman.

Bank Negara Malaysia terus bekerjasama rapat dengan industri serta pihak berkepentingan dalam negeri dan antarabangsa yang lain bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko siber dan teknologi yang timbul. Tumpuan khusus penilaian risiko Bank adalah pada kemungkinan ancaman yang timbul daripada pergantungan industri terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service providers*, TPSP) untuk menjalankan fungsi perniagaan yang sangat penting dan perkhidmatan perlu. Meskipun penumpuan terhadap beberapa TPSP telah dikenal pasti, risiko gangguan sistemik akibat kegagalan pihak ketiga secara relatif dinilai agak rendah. Hal ini berdasarkan pengasingan infrastruktur utama secara logik dan berstruktur, kawalan pengurusan risiko yang bersesuaian bagi perkhidmatan pihak ketiga, serta pelan kontingensi yang boleh dipercayai dan usaha penyelesaian menyeluruh yang dilaksanakan oleh institusi kewangan sekiranya berlaku kegagalan TPSP.

Institusi kewangan setakat ini juga kekal berdaya tahan dari segi operasi walaupun terdapat penemuan berkaitan dengan kelemahan perisian yang sangat penting, yang dikaitkan dengan entiti negara asing. Hal ini telah disokong terutamanya oleh usaha pengukuhan siber yang berterusan dan perkongsian maklumat secara proaktif antara Bank dengan industri (Gambar Rajah 1). Latihan serangan siber peringkat industri yang diselaraskan oleh Bank pada bulan Februari 2022 selanjutnya menunjukkan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam industri untuk bertindak balas terhadap serangan siber yang sistemik. Yang penting, institusi kewangan telah menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan pelan tindak balas terhadap insiden siber mereka dengan berkesan. Pelan ini dilaksanakan melalui pengaturan yang cukup berkesan untuk penyelarasan aliran maklumat dalaman dan luaran. Peluang untuk menambah baik dan meningkatkan selanjutnya komunikasi krisis juga telah dikenal pasti. Khususnya, peluang ini termasuk penyelarasan komunikasi pada peringkat industri untuk menangani kebimbangan orang ramai semasa insiden serangan siber secara sistemik.

[40] Jumlah anggaran perbelanjaan IT yang ditanggung oleh bank tempatan, penanggung insurans dan pengendali pembayaran (tidak termasuk gaji kakitangan).

Gambar Rajah 1: Usaha yang Diambil oleh Bank untuk Mempertingkatkan Daya Tahan Siber Industri



Sumber: Bank Negara Malaysia

Laporan fraud perbankan dalam talian telah meningkat. Pada separuh pertama tahun 2022, sebanyak 9,735 kes fraud perbankan dalam talian yang berjumlah RM39.9 juta telah dilaporkan oleh pelanggan institusi kewangan, daripada 1.85 bilion transaksi perbankan dalam talian[41] yang dijalankan (atau lima kes bagi setiap satu juta transaksi; ST1 2021: tiga kes bagi setiap satu juta transaksi). Walaupun bahagian transaksi melibatkan fraud kekal rendah, Bank sangat memandang serius mengenai perkara ini. Hal ini kerana fraud perbankan dalam talian berpotensi menjejaskan keyakinan orang ramai dan mendedahkan kelemahan yang boleh dieksploitasi lantas mengakibatkan kemudaratan yang lebih meluas kepada pengguna perkhidmatan kewangan sekiranya tidak ditangani. Selain memerlukan institusi kewangan untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan terhadap fraud perbankan dalam talian, Bank juga menyelaraskan usaha dengan industri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membanteras semua jenis fraud dan penipuan kewangan serta meningkatkan kesedaran orang ramai tentang taktik-taktik fraud yang baharu (Gambar Rajah 2).

Operasi sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan

[41] Merujuk bilangan transaksi kewangan perbankan Internet dan perbankan mudah alih.

Gambar Rajah 2: Inisiatif yang Diambil untuk Membanteras Penipuan (Fraud) Perbankan Dalam Talian

Memperkukuh Langkah-langkah Kawalan di Institusi Kewangan

Institusi kewangan telah diminta untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk membanteras fraud:

- Mempercepat peralihan daripada penggunaan kata laluan sekali sahaja (one-time password) yang berasaskan SMS kepada kaedah pengesahan yang lebih selamat untuk aktiviti atau transaksi dalam talian yang melibatkan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun
- Mengetatkan dan mengkaji semula peraturan pengesanan fraud secara berkala untuk mengenal pasti dan menyekat transaksi yang mencurigakan, yang akan dikenakan prosedur pengesahan tambahan
- Melaksanakan tempoh bertenang untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti selamat. Semasa tempoh ini, sebarang aktiviti perbankan dalam talian tidak dibenarkan
- Mengehadkan peranti yang digunakan oleh pelanggan untuk pengesahan aktiviti dan transaksi perbankan dalam talian kepada satu peranti mudah alih atau peranti selamat

Menambah Baik Bantuan Pencegahan Fraud kepada Pelanggan

Institusi kewangan juga akan menyediakan bantuan tambahan bagi membolehkan pelanggan mengelak daripada menjadi mangsa fraud:

- Peringatan yang lebih kerap melalui pelbagai saluran bagi memaklumkan kepada pelanggan tentang aktiviti akaun yang tertentu, contohnya pindahan dana dan pembayaran, log masuk kali pertama menggunakan peranti baharu, perubahan butiran akaun atau perubahan had transaksi
- Panduan yang berterusan tentang langkah-langkah keselamatan, cara untuk mengesahkan laman sesawang bank dan aplikasi e-perbankan yang tulen serta cara mengenal pasti kaedah fraud baharu atau lazim yang digunakan oleh penipu untuk mendapatkan akses kepada maklumat dan akaun perbankan
- Kaedah yang menyenangkan pelanggan untuk membatalkan kemudahan perbankan dalam talian dengan pantas sekiranya berlaku kejadian yang disyaki sebagai fraud bagi mencegah kerugian

Bekerjasama dengan Pengawal Selia Lain, Penguat Kuasa Undang-Undang dan Agensi Kerajaan Negeri

Tindakan kerjasama antara Bank, SKMM, PDRM, NACSA dan CSM terus diperkukuh untuk:

- Memudahkan siasatan segera ke atas kes fraud yang dilaporkan bagi mengenal pasti dan menahan penipu serta mendapatkan semula dana yang dicuri
- Membolehkan laman sesawang dan aplikasi yang disyaki berstatus hasad (malicious) dikenal pasti dan dialihkan tepat pada masanya
- Menyelaraskan tindakan menyenaraihitamkan dan menyekat nombor telefon yang disyaki terbabit dengan aktiviti fraud bagi mencegah nombor-nombor ini daripada digunakan untuk menghubungi mangsa
- Memperkukuh semakan usaha wajar terhadap langganan khidmat telekomunikasi bagi mencegah fraud
- Menyokong pengawasan berterusan yang berkesan berhubung dengan modus operandi fraud yang berubah-ubah untuk mengenal pasti kelemahan yang mungkin timbul serta membangunkan langkah-langkah pertahanan jangka panjang yang berkesan

Nota: SKMM merujuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, PDRM merujuk Polis Diraja Malaysia, NACSA merujuk Agensi Keselamatan Siber Negara dan CSM merujuk Cyber Security Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)[42] dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) utama terus berada pada tahap ketersediaan sistem yang tinggi. Gangguan operasi terpencil telah berlaku pada bulan Januari 2022 yang menjejaskan saluran RENTAS SWIFT Alliance Access (SAA). Kejadian itu telah diselesaikan dengan segera dan secara kekal, sekali gus mengehadkan sebarang kesan terhadap kelancaran transaksi penyelesaian. Tiada insiden siber yang menjejaskan RENTAS dan RPS utama pada separuh pertama tahun 2022. Pengaturan BCP yang diaktifkan semasa pandemik kebanyakannya dikekalkan meskipun berlaku peralihan ke fasa endemik. Hal ini memastikan bahawa sistem pembayaran akan terus beroperasi tanpa gangguan sekiranya terjadi sebarang kes COVID-19 yang sporadik dalam kalangan kakitangan kategori sangat penting. Pengaturan sedemikian juga diperluas kepada TPSP yang sangat penting.

[42] RENTAS ialah sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip.

Susulan kajian semula yang dijalankan secara bebas oleh juruaudit luar terhadap sistem RENTAS dan RPS utama, pengendali sedang dalam proses melaksanakan pelan tindakan segera dan jangka panjang bagi meningkatkan lagi keupayaan keselamatan siber mereka. Saranan penambahbaikan rangka kerja TPSP untuk sistem RENTAS dan RPS utama yang selaras dengan saranan Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI)[43] akan memantapkan lagi persekitaran kawalan keselamatan siber yang sedia kukuh dalam sistem pembayaran yang sangat penting.

Pindahan kredit yang diproses melalui Platform Pembayaran Runcit (Retail Payments Platform, RPP) terus meningkat dengan ketara, dan purata kadar pertumbuhan tahunan masing-masing sebanyak 254% dan 211% dari segi bilangan dan nilai transaksi sejak platform ini dimulakan pada bulan Disember 2018. Rancangan sedang dijalankan untuk merangkumkan lebih banyak perkhidmatan pembayaran runcit masa nyata dalam RPP sebagai tambahan kepada perkhidmatan DuitNow Transfer dan DuitNow QR. Sistem pembayaran RPP juga telah berjaya dihubungkan dengan sistem pembayaran runcit di Thailand dan Indonesia bagi memudahkan pembayaran segera merentas sempadan dengan negara-negara itu.

Memandangkan kepentingan sistemiknya yang semakin meningkat sebagai infrastruktur pembayaran yang sangat penting untuk pemindahan kredit masa nyata di Malaysia, Bank sedang mengambil langkah-langkah tambahan bagi mengurangkan risiko dan melindungi integriti RPP. Bank sedang dalam proses untuk merasmikan penetapan RPP sebagai sistem pembayaran yang ditetapkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Langkah ini akan memberikan kuasa tambahan kepada Bank untuk mengeluarkan arahan kepada peserta RPP dan jika perlu, mengambil alih operasi RPP bagi memastikan RPP terus stabil dan boleh dipercayai. Selain itu, PayNet sebagai pengendali RPP sedang bekerjasama dengan institusi kewangan untuk melaksanakan operasi mekanisme cagaran yang dipertingkatkan bagi penyelesaian bersih tertangguh yang akan mengurangkan risiko kredit dan risiko penyelesaian untuk transaksi pembayaran runcit masa nyata.

[43] Lampiran F Principles for Financial Market Infrastructures yang diterbitkan oleh CPMI menggariskan lima kehendak pengawasan untuk penyedia perkhidmatan yang sangat penting, iaitu pengenalpastian dan pengurusan risiko, keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan daya tahan, perancangan teknologi dan komunikasi dengan pengguna.